

BLANCO SPORT
CAFFÈ



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 17hb. Julai 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963
06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Perakaunan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Norfashiha Mohd. Afendi	97129493
2.	Nazatul Shima M. Isa	97083633
3.	Zuraidah Alias	97248887
4.	Mohd. Sufian Merzuki	97205041
5.	Azreen Zakaria	97142105

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

AZIZAH DOLAH
Ketua Kursus DIA
ITM Melaka.
b/p Provos

SURAT PENYERAHAN

Diploma Perakaunan
Universiti Teknologi Mara
Km 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Puan Eley Suzanna Binti Hasim
Pensyarah Asas keusahawanan (ETR 300)
Universiti Teknologi Mara
Cawangan Melaka
Km 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka.

Puan,

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Dengan segala hormatnya, merujuk perkara diatas kami ingin meyerahkan satu laporan Rancangan Perniagaan seperti yang telah diarahkan mengikut prosedur. Sukacitanya, bersama- sama ini kami lampirkan laporan Rancangan Perniagaan bertujuan untuk membuka perniagaan yang diberi nama **BLANCO SPORT CAFÉ** yang memberi perkhidmatan siber kafe dan perkhidmatan permainan snooker.

2. Ini adalah bertujuan daripada syarat untuk memenuhi matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300), disamping itu kami juga dapat menimba satu pengalaman yang amat berguna dan boleh dipraktikan setelah mendapat diploma untuk melibatkan diri dalam dunia perniagaan.

3. Ucapan jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah kami, Puan Eley Suzanna Hasim di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang tidak terhingga dalam menyiapkan Rancangan Perniagaan ini. Tidak di lupakan juga kepada pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung di dalam usaha menyiapkan Rancangan Perniagaan ini, kami ucapkan jutaan terima kasih.

Kami amat berharap agar pihak puan berpuas hati dengan hasil usaha kami setelah berpenat lelah menyiapkan Rancangan Perniagaan ini. Sekiranya terdapat kesilapan mahupun kekurangan harap dapat dimaafkan. Kami bersedia memberi sebarang maklumat tambahan sekiranya diperlukan dan kerjasama serta perhatian daripada pihak puan kami ucapkan jutaan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MOHD SUFIAN MERZUKI




AZREEN ZAKARIA



ZURAIDAH ALIAS



NAZATUL SHIMA M ISA



NORFASHIHA MOHD AFENDI

1.0 PENGENALAN

Bidang perniagaan dan keusahawanan merupakan satu kegiatan ekonomi yang penuh dengan cabaran. Dari itu untuk mencapai kecemerlangan, seseorang usahawan perlu mempunyai sifat yang tabah, gigih, semangat yang tinggi, keyakinan diri disamping bijak merebut peluang-peluang yang ada. Kami ingin menyahut seruan kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai penggunaan internet di kalangan masyarakat khususnya di kawasan luar bandar seperti Alor Gajah, iaitu lokasi syarikat kami. Ini sejajar dengan tuntutan negara untuk menyedarkan lebih ramai 'celik IT' seiring dengan negara menuju ke alaf baru.

Berdasarkan penyelidikan serta pemerhatian kami secara teliti, kami dapati lokasi perniagaan kami iaitu No. 22, Jalan Dimensi 15, Taman Dimensi merupakan kawasan yang paling strategi untuk kami memulakan perniagaan. Ini kerana lokasi ini merupakan kawasan perumahan yang mana terdapat kemudahan awam seperti pengangkutan awam iaitu perhentian bas dan teksi dan deretan rumah kedai. Lokasi ini juga berhadapan dengan Universiti Teknologi MARA yang mana sasaran utama pelanggan kami adalah penuntut-penuntutnya.

Oleh itu kami memilih perniagaan ini untuk merebut peluang-peluang yang ada apatah lagi ia bertepatan dengan langkah kerajaan untuk menambah bilangan usahawan muda di kalangan Bumiputera dalam bidang perniagaan. Perniagaan kami ini mempunyai potensi yang besar untuk maju. Kami merancang untuk memulakan perniagaan ini pada tahun 2003 sepenuhnya. Kami memberi perkhidmatan siber kafe dan snooker kepada pelanggan kami, yang mana perniagaan kami ini diberi nama 'BLANCO SPORT CAFÉ'.